

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**

**(BANDAR TUN RAZAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.03.2015**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian strategi jangka pendek, sederhana dan panjang tanpa membebankan rakyat dalam menangani susut nilai ringgit berterusan dan impaknya ke atas akaun semasa dan imbalan pembayaran serta kejatuhan harga global minyak dan gas dan impaknya ke atas pengukuhan fiskal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejatuhan nilai ringgit secara amnya memberi implikasi positif dan negatif terhadap trend perdagangan negara khususnya imbalan akaun semasa dalam Imbalan Pembayaran (*Balance of Payments*). Implikasi positif adalah pendapatan eksport akan meningkat kerana harga barangan negara menjadi lebih kompetitif di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, harga import negara akan menjadi lebih mahal. Ini akan memberi kesan kepada imbalan dagangan yang akan berkurangan sedikit. Sungguhpun demikian, keadaan ini akan menggalakkan pengeluaran tempatan untuk mencari sumber alternatif tempatan yang lebih murah dengan melaksanakan gantian-import (*import substitution*) di pasaran negara.

2. Kejatuhan nilai ringgit juga memberi kesan positif dari segi manfaat kepada industri pelancongan negara di mana pendapatan daripada industri ini dijangka meningkat dan seterusnya membantu kedudukan lebihan dalam imbalan akaun semasa pada 2015.

3. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan perdagangan luar negara secara berterusan bagi memastikan akaun semasa dalam

Imbangan Pembayaran kekal mencatat lebihan. Selaras dengan ini, pada 17 Disember 2014, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Eksport Negara (NEC) untuk memastikan prestasi eksport kekal kukuh dengan membangunkan dasar dan pelan tindakan strategik serta inisiatif berimpak tinggi bagi melonjakkan eksport negara dan daya saing sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dalam menghadapi cabaran penyusutan nilai ringgit dan kejatuhan harga minyak mentah dunia, Kerajaan terus komited dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal tanpa menjejaskan program pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

5. Bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara, Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah peningkatan hasil, antaranya:

- i. Memperluas asas percukaian GST dengan menggalakkan lebih banyak syarikat mendaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia;

- ii. Meningkatkan kutipan dividen daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) serta badan-badan Kerajaan yang lain;
- iii. Menambahbaik pentadbiran cukai supaya lebih cekap dalam pungutan cukai;
- iv. Meningkatkan penggunaan e-filing dan kemudahan untuk membayar cukai termasuk pembayaran cukai secara atas talian;
- v. Meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan dan pengauditan cukai yang lebih baik; dan
- vi. Memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan.

6. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah merasionalisasi perbelanjaan, termasuk:

- i. Mengawal perbelanjaan melalui inisiatif penjimatan kos dengan mengoptimumkan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan;
- ii. Menangguhkan program Latihan Khidmat Negara tahun 2015 untuk tujuan kajian semula dan ditambah baik;

- iii. Mengkaji semula pemberian dan geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta tabung Amanah Kerajaan;
- iv. Penjadualan semula pembelian aset tidak kritikal;
- v. Pelaksanaan sistem *Outcome Based- Budgeting* (OBB) untuk memastikan kecekapan perbelanjaan Kerajaan bagi mengelakkan pertambahan peruntukan dan ketirisan; dan
- vi. Membuat penilaian berterusan ke atas keperluan perbelanjaan dengan mengambilkira komitmen baharu serta keupayaan jabatan Kerajaan untuk menjayakan projek yang dirancang.

7. Kerajaan akan terus memantau dan membuat penilaian kedudukan kewangan Kerajaan dari masa ke masa untuk memastikan kemampuan fiskal jangka masa sederhana dan panjang. Kerajaan yakin dengan kesemua langkah tersebut, sasaran paras defisit fiskal pada 3.2% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) akan dicapai bagi tahun ini dan seterusnya ke arah bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020.